

D.R. 2/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “cawangan” takrif yang berikut:

‘ “dana permulaan” ertinya suatu akaun yang mengandungi sumbangan tunai yang hendaklah dipunyai oleh syarikat berhad menurut jaminan sebelum pendaftaran di bawah seksyen 24;’;

- (b) dalam takrif “institusi pendidikan tinggi swasta”, dengan menggantikan perkataan “Kolej Universiti atau kampus cawangan” dengan perkataan “Kolej Universiti atau kampus cawangan luar negeri atau Kolej”;
- (c) dalam takrif “kampus cawangan”, dengan memotong perkataan “dan termasuklah cawangan Universiti atau Kolej Universiti luar negeri,”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “kampus cawangan” takrif yang berikut:
- “kampus cawangan luar negeri” ertinya cawangan Universiti atau Kolej Universiti luar negeri yang ditubuhkan di bawah Akta ini;’;
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “Ketua Pendaftar” takrif yang berikut:
- “Kolej” ertinya institusi pendidikan tinggi swasta yang tidak bertaraf Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan luar negeri;’;
- (f) dalam takrif “Kolej Universiti” dan “Universiti”, dengan memotong perkataan “, dan termasuklah institusi pendidikan tinggi swasta yang bergabung dengan Universiti atau Kolej Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang diberikan taraf Universiti atau Kolej Universiti”;
- (g) dengan memasukkan selepas takrif “lembaga pengarah” takrif yang berikut:
- “ Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan tinggi;’; dan
- (h) dengan memasukkan selepas takrif “sijil” takrif yang berikut:
- “struktur fi” ertinya suatu amaun bayaran terperinci yang dikenakan kepada pelajar bagi mengikuti kursus pengajian atau program latihan;’.

Pindaan seksyen 12

3. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “, sama ada ia suatu syarikat yang diperbadankan di dalam negeri atau selainnya,”;
- (b) dalam perenggan 1(c), dengan memasukkan selepas perkataan “swasta” perkataan “dan hendaklah mengandungi peruntukan bagi apa-apa perkara yang boleh ditetapkan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika pemohon yang berjaya itu merupakan suatu syarikat berhad menurut jaminan, pemohon itu hendaklah memastikan bahawa—

- (a) dana permulaannya hendaklah merupakan suatu amaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (b) sumber dana permulaannya hendaklah dizahirkan kepada dan diluluskan oleh Menteri;
- (c) keanggotaan lembaga pengarahnya hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (d) tujuan tunggal memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan pemohon hendaklah untuk menubuhkan dan menguruskan institusi pendidikan tinggi swasta dan hendaklah mengandungi peruntukan bagi apa-apa perkara yang boleh ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 14

4. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan 17” dengan perkataan “, 17 dan 19”.

Pindaan seksyen 15**5. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Kelulusan Ketua Pendaftar hendaklah didapatkan sebelum suatu syarikat menukar atau mengubah—

- (a) namanya;
 - (b) modal terbitan dan berbayarnya;
 - (c) amaun dana permulaannya;
 - (d) penyertaan ekuitinya;
 - (e) keanggotaan lembaga pengarahnya; dan
 - (f) memorandum dan perkara-perkara persatuannya.”;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar—

- (a) dalam borang yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan; dan
- (b) disertai fi yang ditetapkan.

(3) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum ia ditentukan, Ketua Pendaftar boleh melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu untuk memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan.

(4) Jika apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan dalam kehendak itu atau apa-apa lanjutan masa, permohonan itu—

(a) hendaklah disifatkan telah ditarik balik; dan

(b) tidak boleh diteruskan,

tanpa menjejaskan hak syarikat untuk membuat permohonan baharu.

(5) Ketua Pendaftar hendaklah, apabila permohonan dibuat dengan sewajarnya di bawah seksyen ini dan selepas diberikan kesemua maklumat, butir-butir dan dokumen yang dikehendakinya di bawah subseksyen (3)—

(a) meluluskan permohonan itu dengan atau tanpa apa-apa ubah suaian, pindaan atau syarat; atau

(b) menolak permohonan itu tanpa memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu.

(6) Jika Ketua Pendaftar menolak permohonan itu, Ketua Pendaftar hendaklah memberitahu syarikat tentang penolakan itu secara bertulis.

(7) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 19

6. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

(i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Institusi pendidikan tinggi swasta” dengan perkataan “Syarikat”; dan

(ii) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “institusi pendidikan tinggi swasta itu” dengan perkataan “syarikat itu”.

Pindaan seksyen 24**7. Subseksyen 24(2) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - “(e) apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pendaftar.”.

Pindaan seksyen 26**8. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**pendaftaran**” perkataan “, **dsb.**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “digunakan” dengan perkataan “didaftarkan”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “institusi pendidikan tinggi swasta itu” perkataan “, dan butir-butir premis yang didaftarkan bagi maksudnya dan struktur fi yang diluluskan bagi kursus pengajian atau program latihan hendaklah dijadikan tersedia dan boleh diakses oleh orang awam dengan apa jua cara”.

Pindaan seksyen 28**9. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “tidak boleh berpindah” perkataan “, menambah atau mengubah suai”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “pendaftaran premis baru” perkataan “, tambahan atau yang diubah suai”.

Penggantian seksyen 30

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 30 dengan seksyen yang berikut:

“Perlembagaan

30. (1) Perlembagaan sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengandungi peruntukan bagi apa-apa perkara yang boleh ditetapkan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah diuruskan dengan mengikuti perlembagaannya secara tegas.

(3) Perlembagaan tidak boleh dipinda tanpa mendapat kelulusan Ketua Pendaftar terlebih dahulu.

(4) Mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 31

11. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tiap-tiap institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mempunyai ketua eksekutif yang dilantik oleh syarikat.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “ketua eksekutif hendaklah” perkataan “memohon supaya”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) atas apa-apa sebab lain yang difikirkan wajar oleh Ketua Pendaftar demi kepentingan orang awam atau pelajar.”; dan

(iv) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Tiada seorang pun boleh menjalankan tugas atau fungsi seorang ketua eksekutif di bawah Akta ini jika—

(a) orang itu tidak didaftarkan sebagai ketua eksekutif; atau

(b) pendaftarannya sebagai ketua eksekutif telah dikanselkan di bawah subseksyen (3) atau perenggan 37(1)(bb).

(5) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.”.

Seksyen baharu 33A

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 33 seksyen yang berikut:

“Kewajipan untuk menyenggara daftar

33A. (1) Tiap-tiap institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang mengandungi maklumat mengenai—

(a) pelajar;

(b) orang yang telah dilantik untuk mengajar di institusi pendidikan tinggi swasta itu;

(c) program yang dikendalikan atau disediakan oleh institusi pendidikan tinggi swasta itu;

- (d) orang yang telah diberikan ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kedoktoran kehormat;
- (e) orang yang telah dilantik sebagai profesor dan termasuklah orang yang telah diberikan gelaran Profesor Emeritus; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan institusi pendidikan tinggi swasta yang difikirkan perlu oleh Ketua Pendaftar.

(2) Daftar yang mengandungi maklumat dalam subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar dan hendaklah dijadikan boleh diakses oleh Ketua Pendaftar sebagaimana dan apabila Ketua Pendaftar menghendaknya.

(3) Daftar yang mengandungi maklumat di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemaskinikan secara berkala sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

(4) Mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang memberikan maklumat palsu atau dengan sengaja menyembunyikan apa-apa fakta material atau memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) yang mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 36

13. Seksyen 36 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 38

14. Seksyen 38 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tiada kursus pengajian atau program latihan boleh dikendalikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta melainkan jika institusi pendidikan tinggi swasta itu telah didaftarkan di bawah seksyen 24.”.

Pindaan seksyen 40

15. Seksyen 40 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1E) subseksyen yang berikut:

“(1F) Ketua Pendaftar boleh menambah, meminda, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat yang disebut dalam subseksyen (1) sebagaimana yang difikirkannya patut;

(1G) Institusi pendidikan tinggi swasta boleh memohon kepada Ketua Pendaftar untuk pindaan atau pengubahan mana-mana syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (1); dan

(1H) Permohonan yang disebut dalam subseksyen (1G) boleh dibuat dalam borang yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan.”.

Seksyen baharu 40A

16. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

“Pembaharuan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan

40A. (1) Institusi pendidikan tinggi swasta boleh mengemukakan permohonan dalam borang yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan kepada Ketua Pendaftar bagi pembaharuan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh kelulusan itu.

(2) Mana-mana permohonan bagi pembaharuan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan yang tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada suatu bayaran penalti sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

(3) Ketua Pendaftar hendaklah memperbaharui sesuatu kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan jika pemohon telah mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar di bawah subseksyen 40(1).

(4) Ketua Pendaftar boleh mengenakan syarat baharu atau meminda, membatalkan, mengubah atau menambah kepada mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 40(1) apabila memperbaharui sesuatu kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan.

(5) Sesuatu pembaharuan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan hendaklah tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 42

17. Subseksyen 42(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan 41(3)(a)” dengan perkataan “subseksyen 41(3)”.

Pindaan seksyen 43

18. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan, Ketua Pendaftar boleh mengecualikan mana-mana pelajar daripada mengikuti apa-apa mata pelajaran wajib.”.

Penggantian seksyen 44

19. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 44 dengan seksyen yang berikut:

“Penganugerahan ijazah

44. Tiada institusi pendidikan tinggi swasta boleh menganugerahkan ijazah melainkan jika institusi pendidikan tinggi swasta itu merupakan Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan luar negeri.”.

Pindaan seksyen 46

20. Seksyen 46 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Ketua eksekutif” dan “ketua eksekutif” di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan “Pihak berkuasa disiplin” dan “pihak berkuasa disiplin”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pihak berkuasa disiplin bagi institusi pendidikan tinggi swasta berkenaan dengan tiap-tiap pelajar institusi pendidikan tinggi swasta itu ialah ketua eksekutif.”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Pihak berkuasa disiplin hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana

yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah-kaedah tatatertib yang boleh dibuat oleh institusi pendidikan tinggi swasta.”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Pihak berkuasa disiplin boleh mewakili fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana pekerja institusi pendidikan tinggi swasta yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pelajar, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar institusi pendidikan tinggi swasta itu.”.

Pindaan seksyen 51

21. Seksyen 51 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Ketua Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkannya patut semasa mengeluarkan permit di bawah subseksyen (4).”; dan

- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “mata pelajaran atau mata pelajaran-mata pelajaran” dengan perkataan “bidang atau bidang-bidang pengajian”.

Pindaan seksyen 54

22. Subseksyen 54(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(da) bahawa institusi pendidikan tinggi swasta itu telah gagal untuk membaharui pendaftarannya di bawah seksyen 24A; atau”.

Pindaan seksyen 61

23. Subseksyen 61(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta menghentikan kegiatan perniagaannya menurut—

- (a) perenggan 59(a), perenggan 59(b), subperenggan 59(d)(ii) atau perenggan 59(e), lembaga pengarah hendaklah memastikan bahawa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar bagi penerusan pembelajaran pelajar dipatuhi dalam suatu tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar; atau
- (b) perenggan 59(c) atau subperenggan 59(d)(i), lembaga pengarah hendaklah memastikan bahawa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar bagi penerusan pembelajaran pelajar dipatuhi dalam masa enam bulan sebelum penutupan sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta itu.”.

Pindaan seksyen 62

24. Seksyen 62 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Apabila perakuan pendaftaran institusi pendidikan tinggi swasta itu dipulangkan, kelulusan institusi pendidikan tinggi swasta itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan.”.

Seksyen baharu 75A

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 75 seksyen yang berikut:

“Obligasi untuk mematuhi

75A. Jika Akta ini menghendaki institusi pendidikan tinggi swasta untuk melakukan atau melarangnya daripada melakukan sesuatu, obligasi untuk mematuhi dikenakan ke atas syarikat yang kepadanya kelulusan telah diberikan untuk menubuhkan institusi pendidikan tinggi swasta itu.”.

Pindaan seksyen 76

26. Subseksyen 76(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) mengeluarkan sijil, diploma atau ijazah kepada seseorang tanpa orang itu menamatkan dengan jayanya kursus pengajiannya; atau

(e) menjalankan apa-apa aktiviti lain berkaitan dengan pendidikan tinggi,”.

Pindaan seksyen 77

27. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 44” dengan perkataan “Akta ini”.

Pindaan seksyen 78

28. Seksyen 78 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan pendaftarannya” dengan perkataan “atau pendaftarannya atau mana-mana syarat yang dikenakan dalam pembaharuan pendaftarannya”.

Pindaan seksyen 79**29.** Seksyen 79 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) orang yang, semasa membuat apa-apa permohonan,”.

Penggantian seksyen 82**30.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 82 dengan seksyen yang berikut:**“Penalti am**

82. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini yang berkenaan dengannya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,—

- (a) dalam hal seseorang yang merupakan seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) dalam hal suatu syarikat, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 83**31.** Seksyen 83 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “satu ribu”.

Pindaan seksyen 85

32. Subseksyen 85(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (g), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (h), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:
 - “(i) ialah seorang yang berupa bertindak atas apa-apa kapasiti dalam perenggan (1)(a) hingga (h), atau dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal institusi pendidikan tinggi swasta itu, atau membantu dalam pengurusan itu,”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (“Akta 555”).

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan takrif baharu ke dalam Akta 555 dan untuk meminda takrif tertentu yang diperuntukkan di bawah Akta 555.
- 4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 12(1A) ke dalam Akta 555 bagi membolehkan syarikat berhad menurut jaminan menubuhkan institusi pendidikan tinggi swasta dan untuk memastikan syarikat mematuhi syarat yang dikehendaki apabila kelulusan diberikan.
- 5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 555 bagi memperuntukkan bahawa sebutan mengenai suatu syarikat dalam seksyen 19 Akta 555 adalah sebutan mengenai syarikat yang baginya kelulusan di bawah Bahagian III diberikan dan syarikat yang ditubuhkan di bawah seksyen 12.
- 6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 555 untuk menggantikan subseksyen (1) yang sedia ada dengan subseksyen (1) yang baharu dan untuk memasukkan subseksyen baharu 15(2), (3), (4), (5), (6) dan (7) ke dalam Akta 555 untuk mengadakan peruntukan bagi proses permohonan bagi kelulusan Ketua Pendaftar yang dikehendaki di bawah subseksyen 15(1) Akta 555.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 555 untuk menggantikan perkataan “institusi pendidikan tinggi swasta” dengan perkataan “syarikat” supaya selaras dengan amalan sebenar iaitu syarikat sendiri yang membuat perkiraan atau perjanjian.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan perenggan (*e*) yang baharu ke dalam subseksyen 24(2) Akta 555 bagi membolehkan Ketua Pendaftar mendapatkan maklumat, butir-butir dan dokumen tambahan dalam mempertimbang permohonan bagi pendaftaran institusi pendidikan tinggi swasta.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(2) Akta 555 bagi memastikan butir-butir premis yang berdaftar bagi maksudnya dan struktur yang diluluskan bagi kursus pengajian dan program latihan dijadikan tersedia dan boleh diakses oleh orang awam dengan apa-apa jua cara.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 555 untuk memastikan institusi pendidikan tinggi swasta memohon kepada Ketua Pendaftar sebelum apa-apa penambahan atau pengubahsuaian premis dibuat.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 555 untuk menggantikan seksyen yang sedia ada berkenaan dengan perlembagaan institusi pendidikan tinggi swasta bagi memastikan pengurusan yang lebih baik dan untuk memantapkan sistem tadbir urus institusi pendidikan tinggi swasta.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 555 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan ketua eksekutif oleh syarikat di tiap-tiap institusi pendidikan tinggi swasta, keperluan ketua eksekutif untuk didaftarkan dan untuk memantapkan peruntukan itu bagi memastikan pematuhan.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 33A ke dalam Akta 555 bagi menghendaki institusi pendidikan tinggi swasta untuk menyenggara suatu daftar.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 36(2) ke dalam Akta 555 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan penalti bagi orang yang tidak layak untuk terlibat dalam pengurusan institusi pendidikan tinggi swasta.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 38(1A) ke dalam Akta 555 yang memperuntukkan syarat baharu bagi pemberian kelulusan oleh Ketua Pendaftar dalam mengendalikan kursus pengajian atau program latihan iaitu pematuhan terhadap seksyen 24 Akta 555.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 40(1F), (1G) dan (1H) ke dalam Akta 555 bagi membolehkan Ketua Pendaftar untuk menambah, meminda, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat yang dinyatakan dalam subseksyen 40(1) Akta 555. Pindaan yang dicadangkan ini juga adalah untuk membolehkan institusi pendidikan tinggi swasta memohon bagi perubahan atau pemindaan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 40A ke dalam Akta 555 bagi membolehkan institusi pendidikan tinggi swasta membaharui kelulusan Ketua Pendaftar untuk mengendalikan kursus pengajian atau program latihan tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh kelulusan.

18. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 43(4) ke dalam Akta 555 bagi memberi Ketua Pendaftar kuasa untuk mengecualikan mana-mana pelajar daripada mengambil mata pelajaran wajib tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh ditetapkan.

19. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 555 untuk menggantikan seksyen yang sedia ada bagi menjelaskan bahawa hanya institusi pendidikan tinggi swasta berstatus Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan luar negeri boleh menganugerahkan sesuatu ijazah.

20. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 46(1A) ke dalam Akta 555 untuk membolehkan pihak berkuasa disiplin mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah-kaedah tatatertib. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 46(2A) ke dalam Akta 555 bagi membolehkan pihak berkuasa disiplin mewakili fungsi tatatertibnya kepada mana-mana pekerja institusi pendidikan tinggi swasta yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pelajar untuk memastikan pengurusan isu tatatertib pelajar yang lebih baik.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 51(4A) ke dalam Akta 555 bagi membolehkan Ketua Pendaftar untuk mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkan patut semasa mengeluarkan permit mengajar.

22. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 54(1)(da) ke dalam Akta 555 bagi memperuntukkan alasan baharu dalam membatalkan kelulusan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta.

23. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda subseksyen 61(1) Akta 555 bagi memastikan perkiraan dibuat oleh institusi pendidikan tinggi swasta berkenaan dengan penerusan pembelajaran pelajar sebelum penutupannya.

24. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 62(2) ke dalam Akta 555 yang memperuntukkan bahawa kelulusan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta disifatkan telah dibatalkan apabila perakuan pendaftaran dipulangkan.

25. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 75A ke dalam Akta 555 yang memperuntukkan obligasi syarikat yang menubuhkan institusi pendidikan tinggi swasta untuk mematuhi peruntukan Akta 555.

26. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 76(1)(d) dan (e) ke dalam Akta 555 yang memperuntukkan larangan tambahan bagi penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta.

27. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 78 Akta 555 untuk memperluas skop pelanggaran syarat yang dikenakan ke atas mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta.

28. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 79(c) ke dalam Akta 555 untuk memperluas skop kesalahan dan penalti yang berkaitan dengan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah Akta 555.

29. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 82 Akta 555 yang memperkatakan penalti am.

30. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 83 Akta 555 untuk menaikkan amaun denda bagi kesalahan berterusan yang dilakukan di bawah Akta 555 daripada lima ratus ringgit kepada satu ribu ringgit.

31. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 85(1)(i) ke dalam Akta 555 yang memperuntukkan bahawa seseorang yang berupa bertindak atas apa-apa kapasiti yang disebut dalam perenggan 85(1)(a) hingga (h), atau dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal institusi pendidikan tinggi swasta, atau membantu dalam pengurusan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan yang dilakukan oleh institusi pendidikan tinggi swasta di bawah seksyen 85 Akta 555.

32. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3038]